

BAB 1

TEORI STRUKTURALISME GENETIK

Pandangan Umum Tentang Sosiologi Sastra

Secara umum dapat dijelaskan sosiologi adalah telaah objektif tentang manusia dan masyarakat yang merangkumi struktur serta proses sosial. Dalam hal ini, disiplin sosiologi mencoba untuk melihat setiap aspek yang ada dalam masyarakat termasuk pola budaya, perekonomian, bahasa dan sastra. Dengan mempelajari lembaga-lembaga sosial dan segala masalah perekonomian, keagamaan dan politik, akan dapat mengetahui cara-cara manusia menyesuaikan diri dengan persekitarannya, mekanisme sosialisasi dan proses pembudayaan yang menempatkan anggota masyarakat di tempatnya masing-masing.

Secara ringkasnya sosiologi dapat disimpulkan sebagai satu disiplin yang bertujuan untuk mengkaji tentang perilaku manusia, pembentukan satu struktur sosial dan kesepakatan bersama dalam ekonomi, politik, budaya dan sebagainya (Emile Durkheim, 1958: 24-27). Hal yang sama juga dilihat dalam disiplin sastra yang merangkumi persoalan-persoalan tentang masyarakat, sama seperti bidang sosiologi. Dalam erti kata lain, ia merupakan satu alternatif manusia dari aspek estetika untuk menyesuaikan diri serta membuat perubahan dalam masyarakat. Dengan ini, genre-genre dalam sastra seperti novel dan cerpen dapat dianggap sebagai usaha untuk mencipta kembali hubungan manusia dengan kekeluargaan, persekitaran, politik, negara dan sebagainya. Secara

langsung dalam hubungan ini, karya sastra yang bertemakan ekonomi, sosial dan politik, menjadi persoalan yang turut dibincangkan dalam sosiologi. Dalam konteks ini dapat dilihat bahawa genre sastra, khususnya novel dapat mengetengahkan satu persoalan yang turut dibicarakan oleh sosiologi iaitu masyarakat dan segala macam aktiviti di sekitar mereka (Sapardi Djoko Damono, 1979: 6-8)

Hal yang membezakan kedua-dua disiplin ini ialah sosiologi melakukan analisis ilmiah yang objektif, manakala sastra merentasi permukaan kehidupan sosial dan menunjukkan cara-cara manusia menghayati masyarakat dengan perasaannya. Dengan lain perkataan, sosiologi, jika menganalisis sesebuah masyarakat kemungkinan besar memperoleh hasil yang sama, tetapi hal yang sebaliknya dalam kesusasteraan.

Oleh kerana kedua-dua disiplin ini mempunyai persamaan dalam aspek objek yang difokuskan, perbezaan ini tidak mewujudkan batas pemisah yang ketara. Tidak mustahil, sosiologi dapat menggantikan kedudukan novel dari aspek fungsi dan objektif. Telaah sosial menerusi novel akhirnya akan 'melebur' ke dalam sosiologi sehingga fungsi kajian dan fokus sastra bersatu ke dalam disiplin ini menjadi ciri kajian yang sama (Sapardi Djoko Damono, 1979: 7-8). Oleh kerana hubungan yang terlalu dekat antara kedua-dua disiplin ini, sejak beberapa dekad lalu, muncul pandangan segelintir sarjana untuk meletakkan sastra bebas daripada ikatan sosiologi untuk membicarakan tentang masyarakat. Ini kerana sastra dilihat mampu berdiri sendiri. Ia dapat didekati dari segi struktur dalaman, metafora, ritma, dinamika alur, penokohan dan sebagainya. Malah, golongan ini melihat sosiologi tidak mampu menjelaskan aspek-aspek tertentu tentang masyarakat seperti yang diperlihatkan oleh sastra. Keadaan ini sama sekali berbeza tentang sastra yang mampu menginterpretasi secara menyeluruh tentang

masyarakat, bahkan disiplin sosiologi itu sendiri dapat dirinci secara sistematis dengan mengangkatnya sebagai kerangka telaah baru tentang masyarakat, iaitu sosiologi sastra.

Aliran ini menaruh perhatian besar terhadap kedudukan sastra sebagai cerminan zamannya. Golongan sarjana yang berpijak pada dasar pemikiran Marx dan Engels ini beranggapan bahawa sastra merupakan cermin langsung tentang pelbagai struktur sosial, hubungan kekeluargaan, pertentangan kelas ekonomi, konflik budaya dan sebagainya. Tokoh-tokoh Marxisme Baru seperti Adorno, Lowenthal dan lain-lain pemikir sosiologi sastra berpendapat sesebuah karya sastra merupakan penghubung watak-watak imajiner dalam sesebuah novel dengan suatu keadaan yang diciptakan oleh pengarang berdasarkan sejarah serta asal usulnya. Tema dan gaya yang ada dalam sesebuah karya sastra yang bersifat individu harus diubah kepada karya-karya yang mewakili satu kelompok masyarakat.

Dari aspek sejarah, kemunculan para pemikir ini merupakan impak langsung dari kemunculan fahaman Marxisme di Jerman pada pertengahan abad ke-19 yang memperlihatkan pertentangan kelas petani dan tuan-tuan tanah, elit politik, penguasa dan lain-lain di Eropah. Marx dan Engels melihat pertentangan kelas harus diperjuangkan dan golongan buruh garis mencapai kemenangan dalam konflik tersebut di Eropah, khususnya Eropah, khususnya di Jerman yang memperlihatkan penguasaan mutlak kelas kapitalisme terhadap pemilikan tanah dan kekuasaan politik serta tentera.

Dalam aspek sastra, kedua-dua tokoh ini berminat untuk mengaplikasikan dan dipraktikkan dalam sastra. Gagasan kedua-dua tokoh ini hanyalah disifatkan sebagai asas materialisme sejarah (*historical materialism*) mengenai nilai estetika yang keadaannya berbeza dan hanya berfungsi sebagai fakta philologikal yang tidak wujud.

Kenyataan oleh Marx dan Engels ini hanya menyedarkan pembaca sastera tentang pengetahuan hidup, pembinaan tesis sendiri dan implikasi terhadap pemahaman.

Selepas Revolusi Perancis 1848, mucullah pemikiran baru pasca Marxis (New Marxism) yang menggabungkan kedua-dua bidang ini untuk mentelaah tentang gejala manusia, kewujudan hirarki sosial secara piramid dalam sesuatu masyarakat. Dengan ini, sastera dan sosiologi dilihat sebagai satu kesatuan yang boleh bergerak bersama dan mampu menafsir sesuatu fenomena masyarakat (Georg Lukacs, 1968: 176-183). Aliran baru ini dikembangkan oleh tokoh-tokoh Marxis yang setia dan tidak mengubah asas gagasan Marx dan Engels. Hasilnya telah wujud enam model atau teori yang berbeza-beza walaupun kesemuanya masih bersumberkan ajaran-ajaran Marx dan Engels. Enam model tersebut ialah Model Pencerminan oleh Georg Lukacs, Model Penerbitan Piere Macherey, Model Strukturalisme Genetik oleh Lucien Goldmann, Model Pengetahuan Negatif oleh Theodore W. Adorno, Model Ilusi Idealistik oleh Georgei Plakanov dan Model Dialogisme Bakhtin. Teori dan gagasan tokoh-tokoh ini ternyata mendapat perhatian besar dari seluruh pengkaji sastera, khususnya terhadap genre novel yang dianggap sebagai gambaran sosial tentang sesuatu kelompok masyarakat hasil pandangan seseorang pengarang

Konsep Teori Sastera Marxis

Berdasarkan *Manifesto Komunis*, Marx dan Engels menekankan sastera haruslah mencerminkan masyarakat, khususnya golongan bawahan, sekaligus menitikberatkan kepentingan-kepentingan golongan petani dan buruh. Selain itu, ia juga menekan kesamarataan dalam bidang ekonomi, sosial dan politik tanpa kewujudan kelas-kelas

dalam masyarakat. Pada era Marx, teori sastra di Jerman tidak hanya disebabkan oleh keadaan politik dan sosial tetapi juga oleh lahirnya generasi novelis yang memiliki kesadaran sosial. Mereka menganggap bahawa karya sastra besar adalah karya yang menyuarakan semangat kebangsaan yang berkembang secara historis, gerak dilektik daripada gagasan politik dan ekonomi. Oleh itu, kebanyakan novelis Jerman, Rusia dan Eropah secara umum, sama sekali menolak doktrin seni untuk seni. Leo Tolstoy misalnya menegaskan seni harus merupakan monitor dan propaganda sosial.

Sementara itu, tokoh-tokoh pasca Marxis seperti Leo Lowenthal dan Alan Swingewood mengutarakan pendapat masing-masing mengenai kedudukan sesebuah karya sastra dalam hubungannya dengan masyarakat. Lowenthal misalnya mengutarakan bahawa sesebuah karya sastra merupakan persoalan masyarakat dan ditulis untuk dibaca oleh masyarakat. Ini kerana sesebuah karya sastra dilahirkan berdasarkan satu gerakan dalam masyarakat hingga mendorong kelompok-kelompok tertentu dalam masyarakat melahirkannya. Persoalan utama dalam pendekatan yang dikemukakan oleh Lowenthal ini ialah penerimaan karya sastra berhubung erat dengan masyarakat. Pola budaya dan struktur sosial yang dipilih di dalam sesebuah karya sastra akan mempengaruhi minat anggota masyarakat untuk membacanya (Diana Lourenson dan Alan Swingewood, 1972: 43-48).

Swingerwood pula berpendapat bahawa, kesusasteraan dan hasil-hasilnya merupakan dokumen sosiobudaya sesuatu masyarakat sehingga tidak dinafikan karya sastra dapat dijadikan kayu ukur untuk melihat sesuatu fenomena masyarakat. Oleh itu, seseorang pengarang mengutarakan perasaan, kehampaan, gembira dan sebagainya menerusi karya-karyanya. Namun agak berbeza, karya-karya yang dimaksudkan oleh

Swingewood tidak melihat karya sastra sebagai keseluruhan dari fenomena masyarakat secara realiti. Pengarang boleh sahaja menggambarkan sesuatu realiti masyarakatnya dalam satu olahan cerita yang sama sekali berbeza tetapi masih berdasarkan kebenaran. Beliau juga melihat sesebuah karya sastra sebagai sebuah karya seni yang tidak dipersoalkan, kerana semua adalah sama, iaitu mencerminkan sosiobudaya. Dalam erti kata lain, Swingewood berpendapat tidak ada perbezaan karya yang imaginatif mahupun sebaliknya. Namun, apa yang ketara dalam pendekatan yang dikemukakan ini hanya dapat digunakan untuk meneliti karya-karya yang agak kurang menampilkan nilai sasteranya (Sapardi Djoko Damono, 1984: 78-79)

Plekhanov, seorang lagi tokoh sosiologi pasca Marxis pula berpendapat, sesebuah karya sastra, terutamanya novel pada dasarnya sangat terikat kepada kelas dalam sesuatu sistem sosial. Sesebuah karya sastra besar tidak mungkin lahir di bawah penguasaan golongan borjuis. Plekhanov melihat tekanan dari golongan borjuis terhadap kelas proletarian akan menyebabkan kebangkitan moral dan cetusan idea khususnya dalam bidang sastra terutama novel untuk menyuarakan penentangan dan semangat kelompok. Seseorang pengarang akan mewakili kelompoknya dengan memperlihatkan sesebuah karya adalah luahan, situasi dan hakikat masyarakatnya (Georg Lukacs, 1962: 176-179).

Sementara itu, tokoh yang sangat sinonim dengan sosiologi sastra ialah Georg Lukacs, seorang sarjana keturunan Hungary. Beliau mengutarakan teori Model Pencerminan yang digarap sepenuhnya dari kerangka pencerminan dalam estetika Marxis moden. Lukacs melihat pengarang adalah cerminan dari persoalan masyarakat sehingga sesebuah karya sastra merupakan pengetahuan tentang realiti dan hakikat dari satu

proses sosial dan dialektik dimana kesemua aspek yang melingkari pengarang berubah dan berkonflik. Dalam erti kata lain, beliau sama sekali tidak melihat sastra dan hasilnya sebagai cermin realiti seperti mana sebuah cermin membalikkan objek yang berada di depannya. Ini kerana, sastra itu sendiri ialah sebuah realiti yang mempunyai bentuk yang terangkum dalam satu keseluruhan dialektik.

Bagi Lukacs, seorang pengarang besar adalah penulis yang mampu mencipta watak-watak yang kekal yang merupakan kriteria sesungguhnya dari pencapaian sastra. Dengan lain perkataan, Lukacs berpendapat watak-watak yang dicipta oleh seseorang pengarang besar mampu mengutarakan satu pandangan sosial, ekonomi dan politik yang sesungguhnya di atas landasan realiti. Semua sastra harus diukur dengan kriteria-kriteria ini. Beliau berpendapat watak dan jenis sastra menampilkan esensi terdalam dari zaman lampau dan nilai-nilai zaman lampau akan tetap abadi jika pengarang berjaya mencipta watak-watak dan persoalan yang difahami dalam konteks perjuangan kelas. (Lukacs: 193-195). Lukacs melihat kepada keunggulan realisme (realisme sosialis) menjadi elemen yang sangat pokok dalam melahirkan karya-karya bertemakan sosial. Dengan pendekatan seperti ini, beliau berpendapat realisme sosialis yang lebih mendasar dalam konteks perjuangan kelas akan mengatasi humanisme borjuis yang lapuk. Dan, realisme inilah yang akan menggambarkan manusia dalam satu proses dialektik untuk mencapai satu masyarakat sosialis (Georg Lukacs, 182-183).

Sebagai cerminan realiti inilah, Lukacs sama sekali menolak sastra modenisme yang dilihat sebagai satu proses pengkaryaan yang ortodoks dan dogmatis. Dengan lain perkataan, Lukacs melihat sastra modenisme hanya mampu melihat manusia sebagai makhluk yang putus asa dan terasing dari struktur sosial serta lingkungannya. Beliau juga

menyimpulkan bahawa sastra modenisme bukan sahaja tidak menambahkan kayanya kesenian tetapi justeru mengingkarinya (Georg Lukacs, 219).

Model Pencerminan, cuba mengutarakan bahawa kesusasteraan sesuatu bangsa itu, memancarkan dan mencerminkan imej kehidupan sosial atau masyarakat dengan tepat dan padu pada masa sesuatu karya dihasilkan. Ini bermakna sesuatu karya itu dapat memberikan gambaran cara kehidupan, pemerintahan, kebudayaan dan tatasusila sesuatu masyarakat oleh pengarang. Penilaian Lukacs ini sesungguhnya dipengaruhi oleh cara beliau melihat sejarah sebagai bergerak dan begitu juga halnya dengan kritikan terhadap naturalisme, subjektivisme, alegori dan mitos (Fredric Jameson, 1974: 116-122).

Sementara itu, teori Strukturalisme Genetik oleh Lucien Goldmann dianggap oleh beberapa pengkritik sastra sebagai teori sebenar dalam meneliti secara ekstrem kelas-kelas dalam masyarakat seperti yang digagaskan oleh Marx dan Engels. John Wolff misalnya melihat Goldmann telah berjaya merincikan hubungan antara sastra dan masyarakat sebagai satu ideologi yang bergerak seiring. Goldmann dianggap sebagai tokoh yang paling berwibawa dalam jalur 'para' Marxis. Umar Junus pula berpendapat Goldmann merupakan tokoh sosiologi sastra yang terkemuka dan paling konsisten melahirkan satu teori (Umar Junus, 1986: 30).

Kritik dilektik yang dikembangkan dari pendekatan Lukacs dalam beberapa aspek menampilkan pandangan Marxistis, namun, Goldmann mengkritik tulisan Engels yang dianggap tidak sesuai dengan garis komunisme. Engel dikritik kerana beberapa pemahaman yang dibawanya terlalu ekstrim membahagikan kedudukan kelas hanya berdasarkan pandangan ekonomi tanpa mengambil kira aspek-aspek moral dan nilai-nilai pertentangan seni antara kelompok dalam masyarakat. Dengan lain perkataan, Goldmann

mengkritik teori Marx dan Engels yang terlalu mementingkan kenyataan dan permasalahan masyarakat sebagai matlamat penulisan sesebuah novel sehingga teori atau pendekatan ini mengetepikan unsur-unsur intrinsik. Elemen-elemen ini justeru merupakan unsur yang berperanan menonjolkan nilai-nilai estetika dalam sesebuah karya kreatif (Sapardi Djoko Damono, 36-37).

Teori Strukturalisme Genetik Goldmann

Lucien Goldmann merupakan tokoh sosiologi sastera kelahiran Rumania yang terkenal dari Sekolah Frankfurt dan menganut aliran Marxis Perancis. Beliau dianggap sebagai tokoh yang menjadi pelopor kelompok 'perantara' antara dua kelompok pengkritik sastera awal abad ke-20 iaitu kaum Formalis Rusia dan kelompok Linguistik Praha. Berbeza dengan kedua-dua kelompok tersebut, kelompok strukturalisme sama sekali cuba memisahkan diri daripada aliran formalistik dan linguistik dengan mengarah kepada aliran strukturalistik. Sebagai satu pendekatan tersendiri kelompok ini mengarah kepada segala bidang yang berhubungan dengan fenomena sosial kemanusiaan yang terangkum dalam ilmu-ilmu sosial tulen seperti antropologi, sosiologi, politik, ekonomi dan psikologi. Kelompok strukturalis dan Goldmann berkeyakinan segala manifestasi sosial ialah bahasa. Dengan demikian, bahasa menjadi titik pusat kepada segala kegiatan sastera dan alat komunikasi sosial yang paling utama yang harus dimanfaatkan oleh para pengarang ke dalam genre sastera dan seni .

Dalam konteks ini Goldmann dan kelompok strukturalis telah menggariskan strukturalisme mempunyai beberapa ciri. Antara lain, ia menekankan kepada aspek keseluruhan dari satu struktur sosial yang merangkumi perilaku anggota masyarakat,

perekonomian, kedudukan kelas masyarakat, sistem politik, konflik dan sebagainya. Setiap aspek ini akan sentiasa berhubungkait antara sama lain secara langsung dalam konteks sebab dan akibat (George Watson, 1969: 71-74). Ciri lain ialah strukturalisme tidak menelaah struktur pada luarnya sahaja tetapi struktur yang ada di bawah atau di sebalik kenyataan empiris. Kelompok ini berpandangan bahawa apa yang terlihat bukanlah struktur yang sebenar tetapi hanya merupakan bukti dan hasil adanya struktur.

Sementara itu, analisis yang dilakukan oleh kelompok strukturalisme juga menyangkut struktur yang sinkronis, bukan yang diakronis. Dengan lain perkataan tokoh-tokoh strukturalis berkeyakinan pada hubungan-hubungan yang ada sepanjang masa sehingga sesuatu proses sosial tidak pernah terhenti dan akan mengalami proses dilektika historis. Pendapat ini sudah pasti berbeza dengan gagasan golongan formalis Rusia seperti Roman Jakobson dan Tomashevsky yang menganjurkan pandangan bukan sosiologi dalam sastera. Kedua-duanya beranggapan bahawa teks sastera adalah satu-satu alat kritik sastera. Secara langsung golongan ini menekankan sastera harus berdiri sendiri secara autonomi tanpa melibatkan disiplin-disiplin lain terutamanya sejarah dan sosiologi. Sastera bagi kelompok formalis juga merupakan satu ilmu yang utuh dan tidak boleh sewenang-wenangnya dicerobohi oleh ilmu-ilmu lain (Sapardi Djoko Damono, 1979: 43-44)

Pendapat inilah yang membezakannya dengan pandangan kelompok strukturalisme yang melihat sosiologi dan sastera merupakan dua disiplin yang boleh 'hidup' bersama kerana kesamaan dari pelbagai aspek, malah mampu mentafsir sosial dalam ruang lingkup yang lebih luas. Dari sudut pandangan sosiologi sastera, strukturalisme historis ini menempatkan sesuatu karya sastera sebagai data dasar

penelitian mereka kerana ia merupakan satu sistem makna dari keseluruhan sistem yang diperhatikan oleh strukturalis. Karya sastera dalam konteks ini mempunyai hubungan yang erat dengan faktor-faktor eksternal, tetapi tidak sepenuhnya di bawah pengaruh faktor-faktor tersebut (Lucien Goldmann, 1973: 31-32).

Sementara itu, teori Strukturalisme Genetik yang dikembangkan oleh Goldmann, mengambil dasar bahawa disiplin sosiologi harus bersifat historis bagi mencerminkan satu suasana ilmiah, realistik dan mampu mengungkapkan keseluruhan fakta masyarakat dan hakikat kemanusiaan mereka. Dengan ini, sama sekali ia tidak boleh dipisahkan dengan sejarah kerana ia akan bersifat abstrak serta longgar (Mohamad Mokhtar Hassan, 1995: 48). Dalam konteks ini, Goldmann berusaha bersungguh-sungguh untuk melihat hubungan sesebuah karya sastera khususnya novel yang dilahirkan oleh seseorang pengarang pada suatu masa tertentu mempunyai ikatan dengan sistem ideologi atau kelompok yang sedang berkuasa dalam sesebuah negara. Dengan ini, pengarang cuba memperlihatkan karya-karya ini merupakan kesedaran kelompok dimana pengarangnya berada sebagai salah seorang dari anggota sosial dalam kelompok tersebut (J. A Bull, 1988: 42). Seseorang pengarang, menurut Goldmann harus berperanan secara langsung sebagai organ atau alat penyuar kelas masyarakat dimana dia berada yang melatari proses pengkaryanya.

Gagasan yang diketengahkan oleh Goldmann ini sampai kepada satu persoalan dan pemerhatian bagaimana sastera dan genre seni dapat menyumbang kepada pembangunan sosial dalam erti kata adil dan bertepatan dengan pandangan seorang pengarang. Ini bermakna sesebuah karya yang dihasilkan oleh pengarang harus memiliki makna yang boleh memberi gambaran lengkap tentang kelompok sosial yang melahirkan

pengarang tersebut. Oleh itu, berdasarkan prinsip asas teori Strukturalisme Genetik ini, sesebuah karya harus realistik, mampu mengungkap sejarah yang esensial, menampilkan fakta-fakta kemanusiaan dan paling penting mampu menekankan kepada metodologi sosiologi. Dengan demikian Goldmann menegaskan karya sastera merupakan kesatuan dinamis yang bermakna, sebagai lambang kewujudan peristiwa-peristiwa penting zamannya yang harus difahami oleh masyarakat yang berada dalam satu sistem yang sama dengan pengarang.

Ini bermakna sesebuah karya- yang dihasilkan oleh pengarang tidak dapat difahami dan ditelaah secara sosio-historis oleh masyarakat luar dari konteks pengarang. Oleh yang demikian, pernyataan seseorang pengarang dalam sesebuah karya tidak mungkin dapat difahami secara lengkap oleh seseorang anggota masyarakat lain yang berbeza sosio-historis dengan pengarang. Dengan itu, karya-karya seperti ini pastinya tidak memberikan penumpuan terhadap teks tetapi meghubungkaitkan struktur karya dengan apa yang dinamakan struktur mental kelompok sosial pengarang (Ann Jefferson dan David Robey, 1988: 222-223). Tidak dinafikan dalam hal ini, Goldmann dipengaruhi oleh pendapat Lukacs yang melihat karya sastera muncul akibat dari kesedaran dan tingkah laku sosial, dan bagaimana ia dihubungkan masyarakat sekitarnya. Namun, meskipun kedua-keduanya melihat karya sebagai keseluruhan berfikir secara dilektik seseorang pengarang, Goldmann, 'menolak' pendapat Lukacs yang hanya mencari kedudukan sesebuah karya sebagai cerminan sosial. Sebaliknya, beliau cuba menemukan perhubungan yang lebih lengkap antara karya dan kelompok sosial pengarang. Ini menjadikan teori Strukturalisme Genetik lebih sosiologis berbanding dengan pendekatan oleh Lukacs.

Di sisi lain, Goldmann juga cuba untuk menyatukan analisis struktural dengan materialisme historis dan dilektik. Dalam hal ini karya sastra harus difahami sebagai suatu keseluruhan yang bermakna. Dengan demikian usaha untuk menelaah fakta-fakta kemanusiaan baik di dalam struktur yang esensial mahupun dalam kenyataan yang kongkrit memerlukan kaedah yang bersifat sosiologis dan historis. Sebagai produk dari satu komuniti sehingga menjadi satu kesatuan dinamis yang bermakna, sebagai kewujudan penting peristiwa-peristiwa yang akan digarap oleh seorang pengarang.

Selain itu, Goldmann juga meletakkan pengarang sebagai 'pembangking' yang mengadakan penentangan terhadap borjuis. Penentangan itu boleh sahaja digarap dalam tema semasa atau mengungkapkan dari fakta-fakta historis yang kamudiannya digarap secara kreatif dengan penambahan pelbagai unsur imaginasi pengarang.

Dalam mengetengahkan teorinya, Goldmann telah merumuskan beberapa kategori struktur yang saling berkait antara satu sama lain sehingga membentuk strukturalisme-genetik. Ciri-ciri ini ialah fakta kemanusiaan, subjek kolektif dan pandangan dunia (*world view*) seseorang pengarang. Pandangan dunia ini merupakan satu bentuk kesedaran kolektif yang akan menghubungkan keseluruhan individu ke arah pembentukan kelompok sosial yang memiliki identiti kolektif. Secara langsung, pandangan dunia ini merupakan kesedaran kelas sosial. Dalam hal ini, Goldmann meletakkan pengarang sebagai salah seorang anggota sosial yang turut mengalami perubahan, selaras dengan perubahan kelompoknya. Perubahan-perubahan itu sendiri merupakan ekspresi antagonisme kelas hingga membawa kepada kesedaran kelas yang akhirnya mendorong kepada kesedaran untuk memperjuangkan kelas kelompok mereka.

Sebagai kesimpulannya, Goldmann sama sekali menolak bahawa sesebuah teks adalah ciptaan individu yang pintar sepertimana anggapan para pengkritik sastera sezaman. Dengan lain perkataan, menolak pernyataan bahawa sesebuah karya sastera merupakan cerminan sesuatu zaman atau pandangan pengarang secara individu tanpa melihat kedudukan kelompok di mana seseorang pengarang berada.

Kategori Asas Strukturalisme-Genetik

Dalam aspek fakta kemanusiaan, merujuk kepada segala aktiviti atau perilaku internal dan eksternal yang harus difahami melalui ilmu pengetahuan, Goldmann menekankan fakta kemanusiaan merupakan suatu struktur yang bererti. Dalam erti kata lain, beliau menekankan fakta-fakta yang dinyatakan oleh pengarang mempunyai struktur dan erti tertentu. Oleh itu, pemahaman mengenai fakta-fakta kemanusiaan harus mempertimbangkan struktur dan ertinya. Fakta yang bererti menurut Goldmann ialah tindakbalas dari subjek kolektif atau individu atau cuba membentuk satu keadaan yang bersesuaian dengan aspirasi subjek-subjek tersebut (Goldmann, 1973: 18-21). Dengan erti kata lain, fakta-fakta itu merupakan hasil usaha manusia mencapai keseimbangan yang lebih baik dalam hubungannya dengan dunia yang melatarinya (Goldmann, 1981:40).

Sementara itu, kategori subjek kolektif merujuk kepada pemahaman Goldmann bahawa kemanusiaan tidak muncul begitu sahaja melainkan akibat dari aktiviti dan perilaku manusia sebagai subjek. Dalam konteks ini, fakta kemanusiaan dibezakan kepada dua aspek iaitu subjek individu dan kolektif. Goldmann berpendapat fakta sosial, ekonomi dan sebagainya merupakan satu 'perolehan' kolektif, bukan individu. Ini kerana

dorongan libido individu semata-mata tidak mungkin akan mencetuskan satu revolusi sosial. Dalam hal ini beliau menekankan satu proses pembentukan trans-individual, istilah yang dipinjam dari Sigmund Freud untuk melambangkan perubahan kolektif. Hal inilah yang menurut Goldmann juga terjadi dalam sastra. 'Revolusi' yang dibawa oleh pengarang tidak mungkin wujud jika tidak disebabkan oleh aspirasi tertentu dari struktur sosialnya (Goldmann, 1973: 42-44).

Dengan mengetengahkan konsep tentang pandangan dunia (*vision du monde*, *world view*) sebagai pokok dalam semua karya agung dan falsafah besar. Ini bererti ia merupakan struktur global yang bermakna, satu pemahaman yang menyeluruh tentang dunia. Antara lain merangkumi empirisme, rasionalisme dan pemikiran-pemikiran yang berkaitan dengan kelas-kelas sosial. Pandangan dunia ini, menurut Goldmann merupakan ideologi yang unggul milik sesebuah kelompok sosial dalam erti aktiviti pemikiran dan kebudayaan (Goldmann, 1973: 113). Selain itu, ia juga merupakan satu bentuk kesedaran kolektif yang menghubungkan keseluruhan individu ke arah pembentukan kelompok sosial yang memiliki identiti kolektif. Secara langsung, pandangan ini merupakan kesedaran kelas sosial yang turut mengalami perubahan, selaras dengan perubahan kelompoknya. Perubahan-perubahan itu sendiri merupakan ekspresi antogonisme kelas sehingga membawa kepada kesedaran kelas yang akhirnya mendorong kepada kesedaran untuk memperjuangkan kelas kelompok mereka.

Justeru itu, sesebuah karya sastra tidak harus dilihat sebagai hasil ciptaan seseorang pengarang semata-mata tetapi ia merupakan sebuah struktur mental kelompok (trans-individu). Oleh secara keseluruhannya, karya sastra merupakan hasil kesedaran, idea, aspirasi, nilai-nilai dan pola perilaku kelompok sosial tersebut. Dengan itu,

kedudukan sesebuah teks bagi Goldmann merupakan ungkapan kelas sosial yang dianggotai oleh pengarang. Dengan lain perkataan, Goldmann meletakkan pandangan bahawa asal usul struktur mental sesebuah karya dipengaruhi oleh tingkah laku sosial yang ditimbulkan oleh beberapa individu yang membentuk satu kelompok masyarakat (Sapardi Djoko Damono, 1984: hal 62-64).

Meskipun menegaskan sesebuah karya sastera merupakan pandangan kelompok, Goldmann sama sekali tidak menolak kedudukan individu dalam kepengarangannya. Beliau tetap mempertahankan kedudukan sesebuah karya agung yang merupakan lambang struktur mental kelompok. Namun begitu Goldmann menolak pandangan dunia sebagai fakta empiris tetapi lebih merupakan struktur gagasan, aspirasi dan perasaan yang dapat menyatukan suatu kelompok sosial di hadapan kelompok sosial yang lain. (Goldmann, 1981: 68-73). Ini bermakna ianya sebagai satu struktur global yang bermakna atau pemahaman menyeluruh terhadap dunia termasuk kelas-kelas sosial dalam masyarakat.

Goldmann juga berpendapat bahawa pendekatan sosiologi yang sah hanya dapat dilaksanakan oleh karya-karya besar dan agung. Ini kerana sesebuah karya besar sama sekali bergantung pada pandangan dunia yang dimiliki oleh pengarang. Menurut Goldmann karya sah adalah karya sastera yang memiliki ciri kepaduan internal yang menyebabkannya mampu mengekspresikan situasi manusia secara umum dan mendasar (Goldmann 1973: 311-318). Seseorang pengarang dalam konteks ini ialah anggota sosial, sebab melalui suatu kelaslah ia berhubungan dengan perubahan sosial dan politik yang besar. Pengarang juga dilihat oleh Goldmann sebagai anggota kelas yang terpelajar yang memahami serta terlibat dalam perubahan struktur sosial. Pandangan dunia tersebut

adalah ekspresi teoritis dari suatu kelas sosial pada saat bersejarah untuk diketengahkan ke dalam sebuah karya sastra oleh seseorang pengarang.

Dari kaedah penerapannya, strukturalisme genetik akan meneliti struktur tertentu dalam teks, dan selanjutnya menghubungkan struktur-struktur tersebut dalam keadaan sosial yang mengikat pengarang. Ini bermakna seseorang pengarang menurut Goldmann sebagai pembangkang kritis yang menentang suatu sistem yang melingkungi kehidupan kelas bawah. Apabila sesuatu karya sastra muncul, sudah pasti di dalamnya termuat kerangka pemikiran, penentangan dan perjuangan kelas oleh pengarang untuk menyuarakan nasib kelas bawah yang tertindas. Menerusi konsep ini akan lahir karya-karya yang berdasar strukturalisme iaitu sebuah karya sebenar yang memiliki ciri-ciri perpaduan dalaman yang mampu mendedahkan ciri-cirinya iaitu fakta kemanusiaan, subjek kolektif, pandangan dunia, pemahaman dan penjelasan. (Goldmann, 1980: 98-111)

Goldman juga merangka dua alternatif untuk memahami kedudukan sesebuah karya dan hubungan dengan pengarangnya. Alternatif pertama ialah dengan mengkaji dan mengetahui biografi pengarang dan bukan penumpuan kepada teks. Secara langsung, pembaca dapat mengetahui latar belakang semasa kecil, persekolahan, latar masyarakat dan proses kepengarangannya. Alternatif kedua ialah dengan tidak memberi tumpuan kepada teks atau mental pengkarya (dikenali sebagai struktur mental) yang terdapat di dalam karya seseorang pengarang. Dengan berbuat demikian, pembaca akan mendapat gambaran yang lebih jelas lagi tentang sesebuah karya. Ini kerana setiap karya sastra adalah sah dan mempunyai siri kesepaduan yang tersendiri. (Goldmann, 214-217). Bagi Goldmann karya yang sah ialah karya yang memiliki siri kepaduan internal yang

menyebabkan mampu mengekspresi kondisi manusia yang universal dan dasar . Pandangan ini coba mengheret khalayak kepada satu konsep bahawa yang menstruktur karya itu ialah masyarakat. Fungsi masyarakat adalah penting dalam menghasilkan sebarang karya. Berdasarkan kepada hubungan ini, Goldmann menunjukkan adanya hubungan sebab-akibat antara masyarakat dan pengarang dan struktur ekonomi, sebagai suatu keutuhan dalam bentuk-bentuk novel moden. Oleh yang demikian, yang menjadi faktor penentu dalam sesuatu karya adalah bagaimana seseorang pengarang mengaplikasi masyarakatnya sebagai suatu teks sastera.

Kepentingan Pandangan Dunia Dalam Strukturalisme Genetik

Dalam pengkajian sastera, teori Strukturalisme Genetik oleh Goldmann, sesungguhnya memberikan sumbangan yang sangat besar dalam kritik sastera. Pertama; ia dapat menunjukkan pelbagai pandangan dunia pada suatu zaman tertentu (seterusnya akan digunakan untuk mengkaji beberapa karya Pramoedya Ananta Toer dalam tulisan ini). Dengan pemahaman ini, ia menunjukkan hubungan antara salah satu pandangan dunia dan tokoh-tokoh serta hal-hal yang diciptakan dalam sesuatu karya sastera tertentu. Hal ini disebut oleh Goldmann sebagai estetika sosiologis.

Dalam proses penciptaan karya, menurut Goldmann, seseorang pengarang perlu meneliti struktur-struktur tertentu di dalam teks dan seterusnya menghubungkannya dengan keadaan sosial dan historis yang lengkap dengan kelompok sosial serta kelas sosial pengarang dan pandangan dunia kelas yang bersangkutan (Goldmann, 1981: 179-183). Teori ini juga menyimpulkan suatu pandangan dunia dari kelompok sosial dan teks

sebagai satu kumpulan idea dan gagasan yang akan mencerminkan keseluruhan dari kedudukan satu kelompok masyarakat, kelas sosial dan peranan pengarangnya.

Selain itu, teori yang dikembangkan oleh Goldmann ini, terutamanya dari sudut pandangan dunia dan kepentingan karya sastera itu sendiri memperlihatkan ia memberi sumbangan yang begitu besar terhadap kajian struktur masyarakat dan faktor-faktor eksternal di sekitarnya. Teks misalnya tidak lagi dianggap sebagai cerminan yang pasif atau tidak lagi dianggap sebagai sumber mencari keterangan tentang masyarakat yang digambarkan di dalamnya. Teks sastera diperlakukan sebagai sasaran utama penelitian dan dianggap sebagai suatu keseluruhan dari proses dialektik yang tidak sekadar hanya menggali aspek-aspek estetika sastera semata-mata. Menurut Ramli Isin, Goldmann telah meletakkan seolah-olah satu gagasan mutlak bahawa pengarang yang benar-benar membawa aspirasi masyarakat sama sekali tidak mungkin akan menonjolkan kepentingan peribadi. Sebaliknya secara tuntas membawa persoalan tentang masyarakat, fenomena yang dihadapi secara kontekstual (Ramli Isin, 1997: 39-40). Di samping itu, seseorang pengarang juga harus menjadi 'ketua' kelompok pembangkang (masyarakatnya) dengan memberi tumpuan kepada permasalahan masyarakat di dalam semua kelas yang terlibat dalam pertentangan tersebut. Dalam konteks ini, Goldmann menekankan golongan pengarang dan karya-karya mereka haruslah mewakili kelompok kelas yang sering mendapat tekanan dari borjuis atau kapitalis.

Pandangan dunia yang dikemukakan oleh Goldmann ini juga secara tidak langsung mencetuskan suatu idea baru dalam penelitian kesusasteraan, khususnya novel. Beliau juga turut memperkayakan lagi teori sastera yang bersumberkan sosiologi yang

menekankan kepada gaya penulisan realisme sosialis, suatu pandangan pertentangan kelas seperti yang diutarakan oleh gagasan kesusasteraan Marx dan Engels.

Penelitian Teks

Dalam penelitiannya, Goldmann telah menghasilkan karya terpentingnya iaitu *The Hidden God* (Tuhan Yang Tersembunyi) yang berjaya memperlihatkan hubungan antara tragedi Racine iaitu sebuah falsafah Pascal, sebuah gerakan keagamaan di Perancis yang muncul dari sebuah kelompok sosial. Penelitian Goldmann ini menemukan pandangan dunianya yang mendasari tragedi Racine tersebut seperti yang terkandung di dalam pergerakan agama Jansenisme, sebuah kelompok agama yang 'kacau' di Perancis pada abad ke-17 (*noblesse de la robe*). Kelompok keagamaan ini terdiri dari kelas-kelas birokrasi dan elit istana yang kehilangan kekuasaan akibat dari monarki mutlak yang menghentikan sumbangan kewangan kerana kegagalan kelas borjuis Perancis yang berhasrat untuk menjatuhkan kelas feudal, sekaligus membina kelas kapitalis (Farouk HT, 1994: hal. 22-23).

Dengan meneliti setiap aspek tersebut, Goldmann menemukan satu bentuk pandangan dunia yang dianggap sebagai 'visi tragik' yang memperlihatkan di dalamnya terjadi tekanan dan penindasan terhadap manusia sehingga mereka tersepit antara tanggungjawab dan pertentangan (pertentangan dan konflik inilah yang menguasai pemikiran pascal dan drama Racine). Misalnya, pergerakan keagamaan (Jansenisme) tersepit antara Tuhan (bersifat mutlak) rasionalisme alam manusia. Dalam kajiannya,

Goldmann mengemukakan tanggungjawab-tanggungjawab ini merupakan pertentangan dua segi dari sebuah segitiga iaitu Tuhan dan alam yang berkuasa mutlak ke atas manusia (Farouk HT, 23-24).

Sementara itu, dalam konteks kajian terhadap novel-novel Pramoedya Ananta Toer, pandangan dunia oleh Goldmann yang melihat seseorang pengarang dan karyanya merupakan suara kelompok dapat diterapkan. Dalam hal ini karya-karya Pramoedya memberikan sumbangan besar terhadap kajian struktur masyarakat dan faktor-faktor dalamnya. Teks-teks terbaiknya yang dipilih di dalam kajian ini, antaranya *Bukan Pasar Malam*, *Keluarga Gerilya* dan *Tetralogi Bumi Manusia* bukanlah melambangkan perjuangan kelas berdasarkan pemahaman sosialisme semata-mata tetapi kesedaran kelompok (masyarakat bawahan) di Indonesia dalam konfliknya dengan elit birokrasi peribumi dan kuasa kolonial yang memegang tampuk pemerintahan Indonesia. Ini kerana apa yang diteliti oleh Goldmann dalam kesusasteraan Barat agak berbeza dengan situasinya di Indonesia meskipun terlihat pertentangan dua kelompok masyarakat, iaitu rakyat kelas bawahan dengan penjajah Belanda dan pembesar peribumi (*priyayi*). Namun, apa yang diutarakan oleh Pramoedya dalam karya-karyanya adalah lambang dari kesedaran kelas kelompok masyarakat bawahan yang sesuai untuk diteliti berdasarkan teori Strukturalisme Genetik oleh Goldmann.

Dengan mengambil pendapat Goldmann ini, bahawa sesebuah novel merupakan sebagai pandangan kolektif sesuatu kelompok sosial, teks-teks terbaik Pramoedya ini cuba dikaji dan dianalisa untuk melihatkan sejauhmana ia relevan dengan teori tersebut.

Dua unsur utama yang cuba dilihat dalam kajian ini. Pertama; karya-karya Pramoedya ini mampu melihat aspek luaran dan dalaman secara langsung yang

merupakan kenyataan, permasalahan dan pandangan dunia masyarakat Indonesia sama ada zaman perang, Revolusi mahupun Orde Lama. Kedua; melihat pandangan dan kesedaran kolektif masyarakat Indonesia sehingga timbul kesedaran kelas untuk memperjuangkan kepentingan mereka. Dalam melihat kedua-dua unsur ini, kajian bertitik tolak dari latar belakang sosial Pramoedya sendiri yang 'menyediakan' satu kesedaran kolektif kelompok yang akhirnya mengarah kepada semacam perlawanan kelas meskipun tidak begitu ketara dalam masyarakat Indonesia pasca kemerdekaan berbanding dengan era pasca Marxis di Eropah selepas Perang Dunia Kedua.